

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 20 Januari 2016 16:12
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SETINGGI-TINGGI MENARA ALOR SETAR TINGGI LAGI JAMINAN KOLABORASI



20 JANUARI 2016 / 10 RABIULAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SETINGGI-TINGGI MENARA ALOR SETAR TINGGI LAGI JAMINAN KOLABORASI



ANJUNG TAMU ONLINE: Bahang Discover Kedah dan UUM 2016 telah dirasakan oleh semua penduduk Negeri Kedah dan juga warga UUM. Kini, pelbagai saluran mempromosikan pakej menarik Menara Alor Setar giat diadakan yang mana ia merupakan salah satu tumpuan para pelancong di Kedah sekaligus bagi menjana pendapatan sektor pelancongan Negeri Kedah.

Dalam hal ini, pihak pengurusan Menara Alor Setar telah berkunjung ke Welcome Centre bagi mengadakan perbincangan lanjut serta meninjau peluang kolaraborasi sempena Discover UUM 2016 dengan tawaran pakej-pakej menarik pelancongan Kedah.

Penolong Pengurus Bahagian Operasi Menara Alor Setar, Mohd. Syafiq Mohd. Kamil berkata mereka ingin mengenali UUM dengan lebih dekat bagi mengenal pasti tempat yang menarik untuk pelancong kunjungi UUM. Beliau bersama Pengurus DIGI

Exclusive Dealer, Mohd. Zaidi Desa yang menjalankan operasi di Menara Alor Setar turut memberi maklum balas bahawa kerjasama padu antara UUM dan Menara Alor Setar akan menarik lebih ramai pelancong ke Kedah dan UUM.

Selain itu, perbincangan tentang pakej yang akan dipromosikan telah diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Komunikasi Korporat, Azahari Azmi. Hadir sama, Penyelaras Keusahawanan, Dr. Fadzli Shah Abdul Aziz, Ketua Penolong Pendaftar Kanan, Abu Bakar Mat Safar, Pengurus Uniutama Travel & Tours Sdn. Bhd. (UTTSB), Noor Hasmee Harun dan staf UTTSB, Shuhana Mohd. Desa.

Menurut Mohd. Shafiq, “Maklumat yang jelas telah dikumpul semasa lawatan dan perbincangan, kawasan pelancongan pula menarik di UUM”.

Umum mengetahui, Menara Alor Setar merupakan salah satu mercu tanda yang popular di Alor Setar, tersergam di kaki langit bandar setinggi 165.5 meter. Menara perhubungan ini merupakan yang ke 19 tertinggi di dunia dan yang kedua tertinggi di Malaysia selepas Menara Kuala Lumpur. Sementara itu, UUM di rimba hijau telahpun mencipta nama di peringkat domestik dan antarabangsa.

Harapan bersama supaya perbincangan memberi hasil berimpak tinggi bagi pakej-pakej pelancongan di antara Menara Alor Setar dan UUM.

Seterusnya mereka di bawa melihat tempat yang menarik dan mampu menggamit pelancong, pelanggan dan tetamu ke UUM.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

